

Praktis 2

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Tindakan tersebut _____ akan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya menjaga kebersihan sungai.
A sebetul-betulnya
B seboleh-bolehnya
C sebenar-benarnya
D sekurang-kurangnya
- 2 Beberapa _____ daun pandan hidup subur di belakang rumah Mak Munah.
A ikat
B gugus
C tandan
D rumpun

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Ayah gemar bersarapan telur separuh masak.
II Kamala sudah masak benar dengan perangai anak perempuannya itu.
III Haikal memberikan idea yang masak dalam perbincangan itu.
IV Hamdan memetik sayur yang masak di kebunnya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Dalam usia muda ini, sepatutnya dia berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-citanya.
II Ibu sudah tidur walaupun malam masih muda kerana keletihan.
III Buah mangga yang dijual oleh peniaga itu masih muda.
IV Nasi yang dimasak oleh kakak saya masih muda.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Perkara-perkara lain yang mana kurang penting tidak akan dibincangkan dalam mesyuarat pada petang ini.
A Perkara lain-lain yang mana tidak penting
B Perkara-perkara lain yang kurang penting
C Perkara-perkara lain agak kurang penting
D Perkara-perkara lain yang mana kurang penting
- 6 Menurut saksi, pembonceng motosikal itu jatuh berguling-guling di jalan raya.
A jatuh berguling di jalan raya
B jatuh guling-guling di jalan raya
C jatuh terguling-guling di jalan raya
D jatuh berguling-guling di jalan raya

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Peserta koir sekolah itu telah dilatih oleh guru yang berpengalaman dalam bidang tersebut.
II Puan Salimah dihadiahkan seutas jam tangan oleh suaminya.
III Adik saya terkial-kial apabila melihat ayah membelikannya sebuah basikal.
IV Murni berasa sedih apabila ideanya ditolak terang-terang oleh majikannya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 8 I Cik Mizah mengagihkan berulas-ulas buah limau kepada para pekerjaanya.
II Puan Haizah mengupah seorang jururawat persendirian untuk menjaga anaknya.
III Aslam ialah penasihat peribadi Encik Mokhtar yang berdedikasi.

IV Rumah banglo yang terletak di atas bukit itu milik Datin Zaleha.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Perkhemahan integrasi itu dapat mendedahkan peserta kepada pelbagai ilmu perkhemahan serta memupuk semangat kerjasama dan perpaduan antara kaum.
- A Selain memupuk semangat kerjasama, perkhemahan itu dapat mendedahkan integrasi kepada pelbagai kaum.
 - B Selain memupuk semangat kerjasama dan perpaduan antara kaum, perkhemahan integrasi itu dapat mendedahkan peserta kepada pelbagai ilmu perkhemahan.
 - C Peserta didedahkan dengan pelbagai ilmu integrasi semasa perkhemahan dan memupuk perkauman semasa aktiviti perkhemahan.
 - D Perkhemahan integrasi itu dapat mendedahkan peserta yang pelbagai kaum tentang ilmu perkhemahan dan semangat perpaduan.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.



- 10 Peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas ialah
- A bagai layang-layang putus tali
 - B bagai mendukung biawak hidup
 - C bagai melepaskan batuk di tangga
 - D bagaimana acuan begitulah kuihnya

Soalan Tambahan

Soalan 1 – 2

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Cikgu Munirah menasihati muridnya agar menabung demi masa depan mereka.
- A bagi masa depan mereka
 - B dalam masa depan mereka
 - C antara masa depan mereka
 - D demi masa depan mereka
- 2 Kami berasa bangga oleh sebab tugasan yang mereka lakukan telah berjaya.
- A oleh kerana tugas yang mereka lakukan
 - B oleh kerana tugas yang dilakukan mereka
 - C kerana tugas yang dilakukan oleh mereka
 - D oleh sebab tugas yang mereka lakukan

Soalan 3

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 3 I Nasi ambang ialah makanan yang popular di Johor.
- II “Jangan bercakap semasa kamu sedang makan,” kata ibu kepada adik.
- III Penduduk Kampung Aman Sejahtera membersihkan kawasan kampung mereka.
- IV Jangan mengambil barang yang tidak kepunyaan kita.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 4

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 4 Peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa “api dalam sekam” ialah
- A gunting dalam lipatan
 - B pucuk dicita ulam mendatang
 - C biduk berlalu kiambang bertaut
 - D sekali air bah, sekali pantai berubah